



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	07 FEBRUARY 2017



ROSLI YAAKOP



DR. MAHATHIR



LIM KIT SIANG

RCI wajar meskipun terlewat 24 tahun

UM- 7/2/2017

Oleh ZULKIFLI JALIL

pengarang@utusan.com.my

PENASIHAT DAP Lim Kit Siang pernah menyebut di Parlimen bahawa jumlah kesemua kerugian dari skandal Forex Bank Negara awal 90-an ialah RM30 bilion.

Ini jumlah yang amat menggerunkan. Inilah angka kerugian yang paling kerap disebut dalam kalangan pemain pasaran.

Bank Negara ketika itu mengakui kerugian sebanyak RM10.1 bilion pada 1992 dan RM5.7 bilion (1993). Jumlahnya RM15.8 bilion, kira-kira setengah dari anggaran pakar.

Bekas Timbalan Gabenor Bank Negara, Dr. Rosli Yaakop dalam satu forum pada 2 Jun 2012 di Pulau Pinang mendakwa jumlah yang diakui oleh Bank Negara itu memang secara muslihat direndahkan.

Dalam tulisan Rosli bertajuk Skandal Wang Asing BNM 1992-93: Ziarah Semula yang dikongsinya bersama pembaca Harakah pada 5 Jun 2012, beliau turut ditanya mengapa skandal kerugian pertukaran asing itu tidak disiasat.

Antara yang dinyatakannya, pemimpin tertinggi negara (pentadbiran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika itu) nampaknya terlibat dan bersekongkol dalam perjudian tersebut. Dan perincian-perincian skandal itu mungkin terlalu mengerikan (*too gruesome*) kepada umum dan boleh menyebabkan malu besar kepada golongan berkuasa, sekiranya didedahkan serta kemungkinan wujud unsur-unsur jenayah dalam skandal berkenaan.

Rosli ditanya lagi, perlukah

ANALISIS



**Kerugian wang rakyat
terlalu besar untuk
dilupakan begitu sahaja."**

ROSLI YAAKOP
Bekas Timbalan Gabenor
Bank Negara

disiasat kembali skandal tersebut? Kata beliau: "Di Mongolia, dua orang bekas Gabenor dan tiga orang kakitangan bank pusat negara itu telah didakwa di mahkamah atas tuduhan kecuaiian dan melebihi kuasa sehingga menyebabkan kerugian USD90 juta di pasaran pertukaran asing.

"Dalam skandal Forex ini, mereka terlibat menyebabkan kerugian gergasi, maka sudah sewajarnya mereka di bawa ke muka pengadilan. Mereka mestilah disiasat. Jenayah yang terlibat termasuklah kecuaiian, menyalahgunakan kuasa, memalsukan akaun, memesonkan maklumat, pecah amanah, konspirasi dan rasuah."

Aktiviti spekulasi yang dibuat pada 1992-93 itu sebenarnya berlawanan dengan prinsip-prinsip utama Bank Negara. Kerugian wang rakyat terlalu besar untuk dilupakan begitu sahaja.

Maka wajiblah kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) seperti mana turut dituntut oleh Kit Siang.

Ini demi menyasat skandal itu walaupun telah terlewat hampir 25 tahun.